



(Profesor Madya dan Timbalan Dekan, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia)

Dr **Mohd Yahya Mohd Ariffin**

Saluran komunikasi kerjaya

(Bahagian akhir)

Saya menyambung perbincangan dengan lima lagi saluran maklumat iaitu agensi pekerjaan, temu duga di kampus, pengambilan pada hari-kerjaya, jaringan rakan bekerja dan rakan media sosial yang mungkin membantu menemukan kerja yang dicari.

Agensi pekerjaan
Agensi pekerjaan berfungsi membantu majikan untuk mendapatkan tenaga kerja dalam kalangan pencari kerja khususnya lulusan institusi pengajian tinggi (IPT).

Lazimnya, agensi itu akan mengiklankan jawatan yang diperlukan di akhbar atau laman web.

Agensi itu boleh dicapai dengan melayari laman web mereka. Contohnya, www.jenjobs.com dan www.careerbuilders.com.my. Terdapat juga agensi yang menghubungi pihak IPT bagi mendapatkan calon yang sesuai mengisi jawatan di syarikat yang menjadi pelanggan mereka.

Bagaimanapun, sangat penting untuk pelajar membuat penyelidikan mengenai agensi itu terlebih dahulu dengan memberi pertimbangan daripada segi reputasi mereka.

Selain itu, pilihlah agensi yang bersaiz besar, teguh dan terkenal kerana mereka mempunyai ramai tenaga profesional dalam urusan

penempatan pekerjaan.

Terdapat agensi yang mengenakan yuran kepada yang mendaftar dengan mereka.

Temu duga di kampus

Bakal graduan yang akan menamatkan pengajian di universiti atau institusi pengajian tinggi berpeluang untuk ditemu duga oleh bakal majikan.

Mereka akan datang ke kampus yang diuruskan oleh bahagian hal-ehwal pelajar untuk menemu duga pelajar. Majikan akan menemu duga dan melantik kakitangan baharu yang mempunyai kelayakan akademik tetapi tidak mampu

nyai pengalaman kerja.

Menurut Maimunah Aminuddin (2000) majikan akan menghubungi pihak universiti dan kolej university serta meletakkan notis kekosongan jawatan seterusnya, mengadakan sesi temu duga.

Terdapat majikan mengadakan sesi temu duga secara tetap dari semasa ke semasa khususnya pada akhir sesi pengajian bagi mencari calon yang layak dan sesuai.

Oleh itu, pelajar tahun akhir perlu mengambil kesempatan dan peluang sebegini untuk mendaftarkan diri dan hadir temuduga. Mungkin tuah menyebelahi anda.

Dalam konteks ini penulis berpendapat pelajar IPT cukup bertuah kerana ada

majikan sanggup pergi ke kampus mengendalikan temu duga kerja. Dengan kata lain, kerja mencari pelajar. Apa yang perlu dilakukan ialah bersiap sedia untuk merebut peluang itu.

Pengambilan semasa hari kerjaya

Dari semasa ke semasa IPT, Kementerian Sumber Manusia dan persatuan perniagaan menganjurkan hari kerjaya dengan menjemput bakal majikan membuka gerai dan kaunter pameran.

Pelajar IPT berpeluang bertemu dengan wakil organisasi yang mengambil bahagian di lokasi setempat. Wakil organisasi juga dapat bertemu dengan pemohon kerja yang

ramai dalam tempoh sehari sehingga tiga hari.

Organisasi biasanya akan menjalankan sesi temu duga kerja dan tentunya usaha itu memudahkan pelajar dan majikan kerana dapat menjimatkan masa dan kos.

Cuba dapatkan maklumat daripada bahagian hal ehwal pelajar universiti pelajar mengenai syarikat dan jenis pekerjaan yang bakal ditawarkan.

Jika berminat bersiap sedia dengan dokumen penting seperti sijil akademik, sijil kokurikulum serta sepasang pakaian yang sesuai untuk menghadiri sesi temu-duga itu.

Jaringan rakan yang bekerja

Maklumat pekerjaan juga boleh diperolehi melalui rakan atau kenalan pelajar yang bekerja dengan bertanyakan jawatan yang diperlukan di syarikat mereka bekerja.

Laporan majalah Smart Money di Amerika menunjukkan 62 peratus pencari kerja memperoleh pekerjaan melalui "face-to-face networking". Kajian oleh Drake Beam Morin mengesahkan maklumat ini dengan membuktikan bahawa 64 peratus daripada 7,500 responden mengakui mereka mendapat pekerjaan melalui hubungan sosial dan pertemuan dengan rakan (Gerson dan Gerson 2009).

Mungkin tindakan itu

membolehkan pelajar memperoleh kerja lebih awal, iaitu sebaik sahaja menamatkan pengajian.

Penulis sendiri mempunyai pengalaman dalam perkara ini. Suatu ketika dahulu sebelum menamatkan pengajian, penulis menghubungi rakan yang bekerja dalam satu organisasi.

Beliau memberi maklumat tentang kekosongan jawatan itu. Lantas, penulis memohon dan berjaya mendapatkan pekerjaan itu. Terima kasih kepada rakan itu kerana membantu penulis.

Jaringan dengan rakan media sosial

Fenomena global jaringan sosial dalam talian memberi impak kepada pengguna Internet di Malaysia. Menurut Siti Ezaleila dan Azizah (2010) disebabkan kemampuannya yang membolehkan komunikasi dalam kalangan pengguna tanpa batasan dan penyebaran maklumat secara global, laman jaringan sosial digunakan dengan meluas oleh pelbagai kumpulan pengguna.

Melalui laman sosial seperti Facebook dan Twitter, bakal pekerja boleh berkomunikasi dengan rakan untuk mendapat atau berkongsi maklumat tentang peluang pekerjaan yang terdapat bukan sahaja dalam negara tetapi luar negara.